

# PANDUAN RINGKAS UNTUK PENGEKSPORT

## EKSPORT

Eksport bermaksud untuk membawa atau menyebabkan dibawa keluar dari Malaysia melalui darat, laut atau udara atau dengan apa-apa cara lain.

Untuk mengekspor barangan dari Malaysia, anda dikehendaki membuat pengikraran kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Duti Eksport dan Cess akan dibayar untuk barangan yang tertakluk kepada duti.

## PROSEDUR EKSPORT UMUM

### **LANGKAH 1: PENGIKRARAN KASTAM**

Semua pengeksporan barang hendaklah diikrar oleh:

1. Ejen Kastam yang dilantik (semakan boleh dibuat di <http://www.mytradelink.gov.my/trade-associations> ); atau
2. Pengisytiharan Sendiri (Program AEO - Portal AEO [http://customsgc.gov.my/index\\_aeo.html](http://customsgc.gov.my/index_aeo.html)); atau
3. Pengguna Langsung (*Direct User*)

### **LANGKAH 2: KLASIFIKASI BARANG**

Pengeksport perlu mendapatkan pengesahan mengenai barang-barang yang akan diekspor sama ada ia tertakluk kepada sebarang duti / cess dengan mendapatkan kod tarif yang betul bagi barangan berkenaan. Kod tariff boleh disemak dengan merujuk kepada:

1. *HS Explorer* <http://mysstext.customs.gov.my/tariff/>; atau

2. Dapatkan khidmat nasihat daripada Bahagian Perkhidmatan Teknik, Cawangan Klasifikasi, Tarif dan Penggubalan, JKDM  
<http://www.mobile.customs.gov.my/edirektori/portal-branch?x=8>; atau
3. Semak dengan Perintah Duti Kastam 2017  
[http://www.federalgazette.agc.gov.my/output/pua\\_20170103\\_P.U.\(A\)52017.pdf](http://www.federalgazette.agc.gov.my/output/pua_20170103_P.U.(A)52017.pdf)  
(tertakluk kepada pindaan); atau
4. Semak dengan Perjanjian Perdagangan Bebas yang berkaitan (FTA)  
<https://fta.miti.gov.my/>

### **LANGKAH 3: SEMAK SAMA ADA BARANG BERKENAAN ADALAH BARANG KAWALAN ATAU BARANG LARANGAN EKSPORT**

1. Semak sama ada barang yang hendak dieksport adalah barang terkawal atau tertakluk kepada larangan eksport atau sekatan oleh pihak berkuasa.
2. Semak sama ada barangan berkenaan memerlukan *Permit* Eksport / Kelulusan dari Agensi Kerajaan Lain (OGA) atau Agensi Pengeluar *Permit* (PIA). *Permit* / kelulusan perlu diperolehi sebelum sebarang pengeksporan dilakukan.
3. Semakan boleh dibuat melalui:
  - a. Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) 2017  
[http://www.federalgazette.agc.gov.my/output/pua\\_20170331\\_P.U.\(A\)102EKSPORT.pdf](http://www.federalgazette.agc.gov.my/output/pua_20170331_P.U.(A)102EKSPORT.pdf)  
(tertakluk kepada pindaan)
  - b. Akta Perdagangan Strategik 2010 (STA)  
<https://www.miti.gov.my/index.php/pages/view/sta2010?mid=105>

## **LANGKAH 4: PENGIKRARAN & PENYEDIAAN DOKUMEN UNTUK PELEPASAN KASTAM**

Setiap pengeksport hendaklah membuat pengikraran penuh dan benar mengenai barang-barang yang dieksport, secara sendiri atau oleh ejennya sebelum pengeksportan dilakukan.

1. Pengikraran pengeksportan adalah menggunakan Borang Kastam No.2 (K2) secara elektronik. Pautan : <http://www.dagangnet.com/trade-facilitation/edeclare/>
2. Mengemukakan *permit* eksport semasa membuat pengikraran kastam sama ada secara elektronik atau *hard copy*.  
Pautan : <http://www.dagangnet.com/trade-facilitation/epermit/>

Pengeksport atau ejennya hendaklah mengemukakan dokumen seperti yang diminta oleh pegawai kastam yang hak untuk tujuan menaksir apa-apa pengikraran yang dibuat oleh pengeksport itu. Senarai dokumen sokongan adalah seperti berikut:

1. Invois
2. *Packing List*
3. Manifes
4. Dokumen-dokumen lain yang berkaitan

## **LANGKAH 5: PEMERIKSAAN BARANG**

Pihak berkuasa (JKDM) berhak untuk memeriksa *consignments* untuk memastikan pengeksportan tersebut mematuhi undang-undang dan peraturan. Mana-mana pegawai kastam yang hak boleh menjalankan pemeriksaan fizikal pada mana-mana barang apabila diperlukan.

## **LANGKAH 6: PEMBAYARAN DUTI / CESS**

Duti / cess yang kena dibayar ke atas barangan yang dieksport hendaklah dibayar oleh pengeksport sebelum mengeksport barang tersebut. Pembayaran duti / cess boleh dibuat di kaunter atau melalui pembayaran atas talian.

Pautan : <http://www.dagangnet.com/trade-facilitation/epayment/>

## **LANGKAH 7: KELULUSAN KASTAM**

Barang yang hendak dieksport boleh diluluskan untuk dilepaskan keluar Malaysia dengan syarat duti / cess telah dibayar dan *permit* (jika berkenaan) telah diperolehi.

## **LANGKAH 8: PELEPASAN KASTAM**

Pelepasan kastam boleh dibenarkan setelah semua tindakan yang telah ditetapkan oleh pihak JKDM telah dipatuhi dan dipenuhi.

## **LANGKAH 9: MENYIMPAN DOKUMEN**

Rekod-rekod pengeksportan hendaklah disimpan di dalam Malaysia untuk tempoh tujuh (7) tahun, kecuali sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan olehnya.

### ***Catatan:***

***Setiap peninggalan atau pengabaian untuk mematuhi, dan setiap perbuatan yang dilakukan atau cuba dilakukan berlawanan dengan, peruntukan-peruntukan Akta Kastam 1967, atau apa-apa pelanggaran syarat dan sekatan yang tertakluk kepadanya, atau berdasarkannya, apa-apa lesen atau permit dikeluarkan atau sebarang pengecualian diberikan di bawah akta ini, adalah suatu kesalahan terhadap akta ini.***

